

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)
SOALAN : NO. 38

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa beliau memerlukan begitu banyak Menteri (37) dan Timbalan Menteri (32) (jika dibandingkan dengan Perdana Menteri yang lepas dan juga pentadbiran negara-negara lain) untuk mentadbir negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap menteri yang dilantik mempunyai portfolio serta bidang tugas masing-masing yang telah dikhususkan. Adalah menjadi hak prerogatif Perdana Menteri untuk menentukan bilangan Menteri Kabinet yang akan menjadi anggota pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan beliau. Sungguhpun begitu, pemilihan Menteri dan Timbalan Menteri untuk setiap Kementerian adalah dibuat berdasarkan keperluan yang dirasakan sesuai dengan kehendak semasa.

Seperti sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai latarbelakang dan budaya. Sejak dari dahulu hingga sekarang, negara kita semakin berkembang dengan pesat dan maju. Maka, kerana itulah kita tidak boleh semata-mata membandingkan bilangan Menteri antara pentadbiran Perdana Menteri sekarang dan yang lepas-lepas. Dalam keadaan dunia tanpa sempadan yang serba moden ini, pelbagai cabaran dan tanggungjawab harus dipikul oleh Kerajaan demi memastikan Malaysia terus aman, makmur dan sentosa. Justeru, Menteri dan Timbalan Menteri telah dilantik di

bawah portfolio masing-masing untuk memastikan segala perancangan dan agenda yang dirangka dapat dilaksanakan dengan berkesan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya
Sekian, terima kasih.